

# H-Ometer Menang Lagi di USA

Oleh: ABU WAFIQ

DUA penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Husaini Omar dan Ratnasamy Muniandy berjaya mengharumkan nama negara apabila produk ciptaan mereka *H-Ometer* berjaya memenangi pingat Emas dalam Pertandingan Reka Cipta Antarabangsa di Pittsburgh, Amerika Syarikat.

Pertandingan yang dikenali Invention/ New Product Exposition (INPEX) yang ke-17 merupakan yang terbesar di Amerika Syarikat.

Ia memberi peluang kepada seluruh pereka cipta di dunia untuk mempamerkan produk baru dan menjalinkan perhubungan strategik dengan pihak-pihak yang berminat untuk pemasaran.

Pada pertandingan tersebut kira-kira 35 negara mengambil bahagian dalam 40 kategori yang

dipertandingan. Husaini dan Ratnasamy dari UPM merupakan satu-satunya wakil tunggal negaradan penyertaan ini merupakan penyertaan pertama rakyat Malaysia di INPEX.

Produk *H-Ometer* menyertai pertandingan di bawah kategori "Manufacturing". Hanya tiga pingat sahaja dapat dimenangi mengikut kategori yang dipertandingkan iaitu pingat Emas, Perak dan Gangsa tidak seperti pertandingan yang lain.

Dalam 30 produk yang bersaing dengan *H-Ometer* dalam kategori "manufacturing", produk ini telah terpilih untuk memenangi emas. Manakala tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Taiwan.

*H-Ometer* sebelum ini pernah memenangi pingat Emas dalam Pertandingan Reka Cipta Antarabangsa 2000, di Geneva, Switzerland.